

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 9 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16310
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tiga ancaman keselamatan dalam talian tertinggi di Malaysia termasuk penipuan dalam talian, kecurian identiti dan pencerobohan data berserta statistik terkini dan trend peningkatan kes dari tahun ke tahun.
2. PN-1551-L16366
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab utama penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang lulus pada tahun-tahun sebelumnya ditolak pada tahun ini, dan apakah langkah segera yang diambil untuk memastikan golongan yang layak tidak tercicir.
3. PN-1551-L15885
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kekangan Kerajaan dalam mewujudkan dana kontingensi mitigasi hakisan pantai yang semakin kritikal memandangkan peruntukan kerja-kerja kecemasan luar jangka sedia ada melambatkan tindakan di kawasan berisiko tinggi seperti negeri Terengganu.
4. PN-1551-L15970
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) apakah sasaran jumlah destinasi antarabangsa baharu menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 serta insentif yang disediakan Kerajaan untuk merangsang pertumbuhan laluan tersebut memandangkan Kota Kinabalu International Airport (KKIA) telah menarik laluan baharu seperti penerbangan terus ke Seoul dari KKIA oleh Batik Air dan beberapa laluan dari China yang meningkatkan trafik antarabangsa; dan

- (b) bagaimanakah Kerajaan menilai impak ekonomi, pelancongan dan penciptaan pekerjaan daripada laluan baharu seperti Shanghai-Tawau termasuk langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pelancong antarabangsa memberi manfaat maksimum kepada sektor perhotelan, perkhidmatan serta industri kecil dan sederhana di Sabah.
5. PN-1551-L15763
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung terma dalam Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART) yang mensyaratkan Malaysia mematuhi piawaian International Labour Organization (ILO) serta adakah Kerajaan bercadang untuk meratifikasikan Konvensyen teras ILO dan meminda undang-undang buruh seperti Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan.
6. PN-1551-L15579
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah status terkini agenda-agenda yang diperkenalkan oleh Menteri yang terdahulu, khususnya agenda berkaitan Pangkalan Data Utama (PADU), Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Pelan Tindakan Bagi Syarikat Pemula atau *Startup* (KL20); dan
- (b) sejauh mana berlakunya kesinambungan setiap agenda tersebut dengan pentadbiran Kerajaan semasa.
7. PN-1551-L15735
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan untuk mengukuhkan semula kepercayaan rakyat terhadap Angkatan Tentera Malaysia selepas insiden siasatan dan tangkapan terhadap pegawai atasan tentera yang terlibat dengan kes salah laku dan pecah amanah baru-baru ini.
8. PN-1551-L15849
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani jurang pencapaian pendidikan di sekolah pedalaman Orang Asli khususnya isu ketidakhadiran atau kekurangan pengajaran guru secara konsisten yang memberi kesan kepada kualiti pembelajaran murid.

9. PN-1551-L15770

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan angka terkini majikan dan pekerja yang terlibat dalam pelaksanaan Dasar Gaji Progresif sejak diperkenalkan dan sama ada dasar tersebut telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

10. PN-1551-L15561

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban syarikat teknologi yang membangunkan sistem kecerdasan buatan (AI) supaya keputusan automatik yang dihasilkan boleh diaudit, dijelaskan dan dicabar, khususnya apabila melibatkan penapisan kandungan berkaitan agama.

11. PN-1551-L15678

Senator Tuan Isayah a/l D.Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memasukkan bahasa isyarat dan tulisan Braille ke dalam kurikulum sekolah sama ada di peringkat pendidikan rendah atau menengah, bagi meningkatkan kesedaran dan amalan inklusiviti dalam kalangan pelajar terhadap golongan orang kurang upaya (OKU).

12. PN-1551-L15864

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam membantu kanak-kanak kategori kelainan upaya (OKU) yang tergolong dalam kalangan keluarga miskin meliputi aspek kebajikan dan pendidikannya sehingga mereka mencapai usia dewasa.

13. PN-1551-L15746

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian menggalakkan pembinaan berkonsep mesra alam dan penggunaan bahan tahan lasak buatan tempatan untuk mengurangkan pembaikan berulang serta kos jangka panjang bagi lebuhraya, jambatan dan terowong utama dan adakah wajar diwujudkan pelan induk peringkat nasional bagi sektor pembinaan lestari.

14. PN-1551-L16003

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah Kementerian mempunyai inisiatif kerjasama antara pemaju perumahan dengan sektor perubatan swasta dalam membangunkan ekosistem *silver economy* bagi menyediakan kediaman dan perkhidmatan kesihatan mesra warga emas.

15. PN-1551-L16129

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian bagi meningkatkan penglibatan rakyat Malaysia dalam sektor pembinaan melalui peluasan penggunaan teknologi moden seperti Industrialised Building System, Building Information Modelling, pembinaan modular, automasi, robotik serta 3D Concrete Printing dan teknologi digital walaupun melibatkan kos awal yang lebih tinggi sebagai langkah jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing termasuk dari segi insentif kepada kontraktor, program latihan kemahiran, pemindahan teknologi dan sasaran pengurangan tenaga kerja asing dalam industri pembinaan negara.

16. PN-1551-L16111

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah saluran rasmi bagi Pegawai atau anggota tentera untuk membuat aduan rasuah atau salah guna kuasa melibatkan pegawai atasan; dan
- (b) apakah perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat.

17. PN-1551-L16117

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kerajaan dalam memastikan produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dapat dipasarkan secara meluas di pasar raya terkemuka dan kiosk di stesen minyak, tanpa dikenakan kos bayaran yang tinggi untuk dipamerkan di kaunter-kaunter serta tidak didiskriminasikan dengan meletakkannya di ruang yang tidak strategik dan sukar dilihat oleh pengunjung; dan
- (b) apakah inisiatif Kerajaan dalam memperkenalkan dan memasarkan produk-produk IKS ini.

18. PN-1551-L16413

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) apakah insentif atau sokongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada usahawan selain daripada skim pembiayaan pinjaman; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan penglibatan lebih ramai wanita dalam bidang keusahawanan dalam tahun 2026-2030.

19. PN-1551-L15789

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju sebenar Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 hingga 2035 dan bagaimana pelan ini berbeza secara substantif daripada pelan pendidikan terdahulu dalam menangani ketidakseimbangan akses, kualiti dan kecekapan sistem pendidikan serta memastikan pulangan modal insan yang setimpal dengan pelaburan awam.

20. PN-1551-L15666

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan bagi memastikan pengendali perkhidmatan penarik kereta tidak mengambil kesempatan atau memangsakan pengguna jalan raya yang menghadapi kesulitan, mengalami kemalangan, atau kerosakan kenderaan semasa berada di jalan raya.

21. PN-1551-L15539

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membina kemudahan sukan seperti dewan serbaguna yang boleh digunakan sebagai gelanggang futsal, badminton dan lain-lain sukan di perkampungan Siam seluruh negara.

22. PN-1551-L16429

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah mekanisme terperinci pelaksanaan sistem penetapan harga 'two-tier' RON95 dan berapakah jumlah penerima sebenar dalam kalangan B40; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan tiada golongan miskin yang tercicir akibat kelemahan sistem pengesahan kelayakan.

23. PN-1551-L16406

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil dapatan kajian kebangsaan mengenai prestasi pelajar Malaysia dalam literasi, numerasi dan kemahiran lain dan bagaimana Kementerian memanfaatkan data ini untuk menilai kebolehpayaan kanak-kanak memasuki Tahun Satu seawal umur enam tahun memandangkan ujian diagnostik telah dirangka semula serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti kurikulum.

24. PN-1551-L16171

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) jumlah kes kematian akibat kemalangan jalan raya yang berlaku di atas Lebuhraya Pan Borneo semenjak pembukaannya; dan
- (b) bagaimanakah situasi ini dapat dibandingkan dengan Lebuhraya Utara Selatan di Semenanjung Malaysia semenjak pembukaannya dalam tempoh yang sama.

25. PN-1551-L15686

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan yang dilaksanakan bagi menambah baik program latihan perguruan dan keguruan di Institut Pendidikan Guru, selaras dengan Reformasi Pendidikan 2.0 bagi melahirkan pendidik yang berketerampilan tinggi daripada segi penguasaan ilmu, kemahiran teknologi tinggi serta kemahiran insaniah.

26. PN-1551-L15677

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) turut mendapat manfaat secara inklusif daripada program-program berkaitan pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI) yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

27. PN-1551-L16073

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah kandungan kurikulum baharu di bawah Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 hingga 2035 diselaraskan secara strategik dengan keperluan ekonomi berautomasi khususnya dalam membangunkan kemahiran kognitif tinggi, kreativiti dan kecekapan sosial murid bagi memastikan mereka bersedia menghadapi pasaran pekerjaan masa depan yang dipacu oleh teknologi.

28. PN-1551-L15622

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan program pembangunan sukan berprestasi tinggi di Sabah.

29. PN-1551-L15953

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal peningkatan kos sara hidup rakyat walaupun kadar inflasi rasmi dilaporkan berada pada tahap terkawal.

30. PN-1551-L15788

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah Kementerian masih gagal menangani ketidakseimbangan ketara antara Sekolah Kurang Murid (SKM) di luar bandar dan Sekolah Sesak Murid (SSM) di kawasan bandar sedangkan isu ini telah berlarutan sekian lama dan memberi kesan langsung terhadap keadilan akses serta kualiti pendidikan negara.

31. PN-1551-L15839

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengambil inisiatif baharu dengan mengadakan perjanjian persefahaman bertulis antara Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan mengenai pembiayaan projek Persekutuan supaya perbelanjaan yang didahulukan oleh Kerajaan Negeri akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

32. PN-1551-L16113

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik jumlah program Rakan Muda yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Belia bagi tahun 2025 mengikut pecahan negeri-negeri di Malaysia dan mengikut pecahan 10 Gaya Hidup Rakan Muda.

33. PN-1551-L15784

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sama ada rangka undang-undang AI yang bakal digubal akan mengandungi langkah-langkah bagi menangani penyalahgunaan alat AI generatif seperti Grok termasuk risiko jalan pintas teknikal dan integrasi merentasi platform.

34. PN-1551-L16157

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana rancangan perolehan dan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dilaksana dengan lebih cekap dan diganding dengan prinsip amanah, integriti tinggi serta sifar rasuah atau elemen penyelewengan.

35. PN-1551-L16074
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi Kementerian dalam mentransformasikan struktur ekonomi negara daripada negara pengguna kepada negara pencipta teknologi baharu bertaraf global termasuk pendekatan untuk memperkasa penglibatan belia dan wanita sebagai pemacu kapasiti inovasi dan pembangunan teknologi masa depan.
36. PN-1551-L16312
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kesan dan risiko sekiranya seseorang individu berkongsi maklumat peribadi secara terbuka dalam talian, termasuk implikasi terhadap keselamatan diri, kewangan dan reputasi serta tahap perlindungan yang disediakan oleh undang-undang sedia ada kepada mangsa penyalahgunaan maklumat peribadi.
37. PN-1551-L15749
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan kontraktor Bumiputera di Sarawak yang telah disenarai hitam dalam lima tahun terakhir serta apakah sebab utama tindakan tersebut dan langkah Kementerian untuk membantu mereka meningkatkan kapasiti, mematuhi piawaian projek dan terus berdaya saing.
38. PN-1551-L16289
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan tegas selanjutnya terhadap pegawai dan anggota ATM yang didakwa terlibat dalam aktiviti tidak bermoral "Yeye" di dalam kem tentera yang telah tular dalam media sosial sehingga telah mencemarkan imej profesionalisme dan disiplin tinggi anggota tentera.
39. PN-1551-L16393
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan permohonan Projek Rancangan Tebatan Banjir dan perancangan jangka pendek Kerajaan bagi mengurangkan risiko banjir sementara menunggu pelaksanaannya.
40. PN-1551-L16182
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian lanjut Polisi Perlindungan Kanak-Kanak (CPP) yang diperkenalkan bagi menangani kes buli dalam kalangan murid sekolah dan apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap pihak berkepentingan yang gagal memberikan komitmen terhadap polisi berkenaan.

41. PN-1551-L15844

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan cukai bukan minyak dan gas yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sarawak dan Sabah bagi tahun 2018 hingga 2024, serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam pengagihan hasil Persekutuan kepada kedua-dua negeri tersebut.

42. PN-1551-L15557

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pendekatan Malaysia dalam pendidikan agama digital dibandingkan dengan negara seperti Turki dan Indonesia yang telah mengintegrasikan platform *e-learning* Islam dan literasi digital agama dalam sistem pendidikan formal mereka.

43. PN-1551-L16045

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah sudah di kenal pasti pembaikan struktur yang kritikal untuk menurunkan kos sara hidup serta nyatakan KPI yang dapat mengukur hasil pembaikan struktur berkenaan.

44. PN-1551-L16207

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan koperasi baharu yang ditubuhkan sepanjang tahun 2025, dan berapakah pula bilangan koperasi yang dibubarkan dalam tempoh yang sama.

45. PN-1551-L15659

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi kesangsian dalam kalangan sebahagian ibu bapa terhadap perancangan kemasukan pelajar pada usia enam tahun di bawah Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035 yang baru dilancarkan.

46. PN-1551-L15962

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah memastikan pelaksanaan peruntukan kewangan serta pemenuhan hak Sabah di bawah Perjanjian Malaysia 1963 termasuk pelaksanaan tuntutan 40 peratus hasil negeri selaras dengan keputusan mahkamah dan jangka masa yang telah ditetapkan memandangkan laporan tempatan masih menunjukkan kebimbangan bahawa kemajuan yang nyata belum dapat dilihat setakat ini.

47. PN-1551-L15668

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah sekolah memandu mengenakan bayaran secara relatif tinggi bagi latihan mendapatkan lesen memandu kereta dan motosikal dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan caj yang dikenakan untuk tujuan ini diseragamkan supaya tidak sampai membebankan para pemohon.

48. PN-1551-L15941

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk memperkasa Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) agar setara dengan laluan prauniversiti lain daripada segi pengiktirafan, tawaran biasiswa dan kebolehpasaran graduan.

49. PN-1551-L15531

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) sehingga kini, berapakah jumlah program Inisiatif Pendapatan Rakyat yang telah dilaksanakan yang melibatkan komuniti Bumiputera Siam; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih ramai penduduk dalam kalangan komuniti Bumiputera Siam bagi mendapatkan manfaat daripada program ini.

50. PN-1551-L15861

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap perkembangan projek pembinaan Laluan Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang menghubungkan negeri Kelantan dan Pahang dan adakah projek tersebut dijangka siap mengikut jadual pada tahun 2027 seperti yang dirancang.

51. PN-1551-L15732

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan nilai ringgit semakin mengukuh, apakah langkah proaktif Kerajaan untuk memastikan kestabilan ekonomi ini diterjemahkan kepada penurunan harga barang keperluan buat rakyat.

52. PN-1551-L15848

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai perancangan atau kajian keperluan berkaitan pembinaan Sekolah Agama bagi murid Orang Asli di peringkat sekolah rendah di negeri Kelantan bagi memastikan keperluan pendidikan agama mereka dipenuhi.

53. PN-1551-L15982

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyatukan tanggungjawab pengurusan kemudahan elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad memandangkan syarikat tersebut dilihat lebih cekap dan profesional dalam pengurusan kemudahan elektrik termasuk lampu jalan, berbanding pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kerja Raya.

54. PN-1551-L15707

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan selaras dengan matlamat neutraliti karbon nasional, apakah peta jalan (*roadmap*) komprehensif Kementerian untuk mengurangkan karbon dalam sektor pengangkutan dan khususnya, apakah rancangan terperinci dan sasaran pelaksanaan bagi infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) di lebuh raya serta kawasan perumahan, dan usaha penghijauan armada pengangkutan awam.

55. PN-1551-L15713

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kelemahan khusus dalam sistem semak dan imbang angkatan tentera yang telah dikenal pasti dan bagaimanakah Kementerian merancang untuk mengukuhkan pengawasan dalaman untuk mencegah kes sedemikian pada masa hadapan, mengambil kira kes penangkapan pegawai tertinggi terkini.

56. PN-1551-L16215

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia dalam membangunkan prasarana sekolah termasuklah pembukaan kelas baharu, kelengkapan bilik darjah, tenaga kerja guru di 7778 sekolah rendah seluruh negara sebagai persiapan melaksanakan dasar yang baru diumumkan berkaitan kemasukan pelajar berumur enam tahun ke Darjah Satu pada tahun hadapan.

57. PN-1551-L15605

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian merancang untuk mempertingkatkan literasi tenaga, keselamatan elektrik dan akses kepada tenaga bersih dalam komuniti luar bandar seperti di Perlis; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk meluaskan inisiatif seperti Program Cahaya Prihatin serta membangunkan projek tenaga boleh baharu di peringkat komuniti.

58. PN-1551-L16233

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha kerajaan bagi mengekang dan mengawal kes pelajar sekolah menghisap rokok di sekolah akibat pengaruh tidak baik rakan sebaya yang mampu menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia terdedah dengan bahaya asap rokok.

59. PN-1551-L15648

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah kenaikan serentak harga emas dan pergerakan mata wang yang berlaku ketika ini mencerminkan kebimbangan pasaran terhadap inflasi, risiko geopolitik atau kelembapan ekonomi global; dan
- (b) sejauh mana Malaysia terdedah kepada risiko tersebut.

60. PN-1551-L16189

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan kekosongan jawatan guru mengikut opsyen dalam rancangan pengambilan 20,000 guru kontrak perkhidmatan sepanjang tahun 2026 sebagai persediaan kemasukan berganda murid Tahun 1 Kohort 2021 (6 Tahun) dan 2020 (7 Tahun) 2027.

61. PN-1551-L16190

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah belia dan atlet Sarawak yang telah menerima manfaat daripada program pembangunan belia, sukan dan keusahawanan Kementerian sejak tiga tahun kebelakangan ini; dan

- (b) perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi menjamin masa depan atlet Sarawak termasuk aspek pembangunan kerjaya, pendidikan, kebajikan selepas bersara dan peluang pekerjaan khususnya bagi atlet dari kawasan luar bandar.

62. PN-1551-L16390

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menetapkan had kelajuan lebih rendah bagi lori berat serta mekanisme penguatkuasaan demi keselamatan jalan raya.

63. PN-1551-L15604

Senator Tuan Azhar bin Hassan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian untuk memastikan stesen kereta api seperti Stesen Arau dan laluan ETS di Perlis dapat beroperasi dengan selamat dan konsisten walaupun menghadapi banjir; dan
- (b) apakah rancangan jangka panjang untuk meningkatkan ketahanan infrastruktur pengangkutan awam di negeri ini.

64. PN-1551-L16430

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme kawal selia Kerajaan terhadap kenaikan premium insurans e-hailing yang semakin melampau, termasuk justifikasi struktur harga semasa, tahap ketelusan pengiraan premium, perlindungan sebenar kepada pemandu, serta sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan siling harga bagi melindungi kebajikan pemandu GIG.

65. PN-1551-L15814

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah strategi Kerajaan untuk mengekalkan guru berpengalaman, menaik taraf prasarana sekolah serta menangani masalah keciciran murid di sekolah luar bandar dan pedalaman Sarawak; dan
- (b) apakah kemudahan yang disediakan bagi sekolah-sekolah pedalaman yang tidak dihubungkan dengan sistem pembedugan seperti di kawasan bandar.

66. PN-1551-L15603

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) status terkini *Perlis Inland Port* sebagai hab logistik multimodal, termasuk peranan *rail freight* dan jalan raya; dan
- (b) langkah untuk memastikan projek ini memberi manfaat ekonomi langsung kepada komuniti tempatan dan penciptaan pekerjaan.

67. PN-1551-L15687

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk memanfaatkan pesara pendidik yang cemerlang dan masih berkeupayaan dari segi kesihatan untuk menampung keperluan kekurangan tenaga pendidik, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

68. PN-1551-L16384

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan punca peningkatan Kadar Insiden Kemiskinan di kawasan luar bandar dan apakah inisiatif bersasar yang telah dilaksanakan bagi membendung trend kemiskinan yang semakin membimbangkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5), maka Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas D.N.3 Tahun 2026 hendaklah diterima dan dipersetujui.”

2. (D.R.3/2026) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

3. (D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2026 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

4. (D.R.2/2026) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 35	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026
ST. 40	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2023 (Pindaan) 2026 P.U.(A) 16/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 41	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2023 (Pindaan) 2026 P.U.(A) 17/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 42	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI- LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2025 (Pindaan) 2026 P.U.(A) 18/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 43	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI- LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2025 (Pindaan) 2026 P.U.(A) 19/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 44	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI- LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2025 (Pindaan) 2026 P.U.(A) 20/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 45	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI- LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2026 P.U.(A) 21/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 46	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2026 P.U.(A) 22/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 47	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2026 P.U.(A) 23/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 48	AKTA KASTAM 1967 AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (No.2) 2026 P.U.(A) 24/2026 diwartakan pada 14 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Abdul Rahman (YTAR) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 50	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 54	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026
ST. 55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026
ST. 57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026
ST. 58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 60	AKTA LEVI PELEPASAN 2019 Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi Pelepasan) 2025 P.U.(A) 420/2025 diwartakan pada 28 November 2025	9 Mac 2026
ST. 61	AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017 Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai) 2025 P.U.(A) 423/2025 diwartakan pada 9 Disember 2025	9 Mac 2026
ST. 62	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Labuan) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 479/2025 diwartakan pada 31 Disember 2025	9 Mac 2026
ST. 63	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Langkawi) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 483/2025 diwartakan pada 31 Disember 2025	9 Mac 2026
ST. 64	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Labuan) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 480/2025 diwartakan pada 31 Disember 2025	9 Mac 2026
ST. 65	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Langkawi) (Pindaan) 2025 P.U.(A) 482/2025 diwartakan pada 31 Disember 2025	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 66	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Eksais (Pembayaran Duti Eksais bagi Kenderaan Bermotor) 2026 P.U.(A) 44/2026 diwartakan pada 30 Januari 2026	9 Mac 2026
ST. 67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2023	9 Mac 2026
ST. 70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2024	9 Mac 2026
ST. 74	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2025	9 Mac 2026

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
D.N.3/2026	Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara	5 Mac 2026